

Banjir: Enam sekolah ditutup di Sarawak

KUCHING 24 Jan. - Sebanyak enam buah sekolah di Sarawak ditutup hari ini apabila laluan masuk ke sekolah berkenaan dinaiki air berikutan hujan berterusan sejak kelmarin.

Sekolah-sekolah terbabit ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Anak, SK Kuala Belugau, SK Kuala Lemai, SK Nanga Tau, di Sibu dan SK Sg. Silas serta SK Kuala Muput di Bintulu.

SK Nanga Selangau di bahagian Sibu yang ditutup semalam masih belum dibuka berikutan paras air belum surut sementara SK Nanga Tau dibuka hanya kepada pelajar tahun enam.

Jurucakap Jabatan Pelajaran Sarawak ketika dihubungi berkata, guru besar di sekolah-sekolah berkenaan terpaksa menutup sekolah terbabit demi keselamatan pelajar.

Semalam, Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Chung Hua Sungai Moyan, Batu Kawa dan SK Pasir Pandak, Santubong terpaksa ditutup kerana laluan masuk ke sekolah itu ditenggelami air.

Manakala sebuah lagi sekolah, Sekolah Menengah Matang Hilir, dekat sini, terpaksa menangguhkan kelas sesi petang kerana masalah yang sama, semalam.

Menurut jurucakap itu lagi, Jabatan Pelajaran negeri akan membuat pemantauan bagi menentukan sama ada kelas di sekolah-sekolah terjejas akibat banjir perlu diteruskan atau sebaliknya.